

ADAB DALAM PERMAINAN

Siti Fharhana Yusof
Zaqerah Mohd Halimi
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Yusof, S. F., Mohd Halimi, Z., & Jasmi, K. A. (2012). Adab dalam Permainan in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 291-317. ISBN 978-967-0194-24-0 .

Abstrak

Adab dalam permainan penting kepada setiap peringkat umur oleh masyarakat umum terutamanya agama Islam yang merangkumi seluruh aspek kehidupan. Seorang muslim mestilah mengetahui dan mengambil kira adab dan aturan dalam permainan yang selari dengan kehendak Islam supaya dapat membentuk keperibadian Muslim yang bermoral dan bersahsiah tinggi. Adab yang baik dalam sesuatu permainan sangat bermanfaat dan boleh menjadi panduan kepada seluruh umat untuk kehidupan yang lebih sejahtera.

15

ADAB DALAM PERMAINAN

Siti Fharhana Yusof
Zaquerah Mohd Halimi
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Adab dalam permainan penting kepada setiap peringkat umur oleh masyarakat umum terutamanya agama Islam yang merangkumi seluruh aspek kehidupan. Seorang muslim mestilah mengetahui dan mengambil kira adab dan aturan dalam permainan yang selari dengan kehendak Islam supaya dapat membentuk keperibadian Muslim yang bermoral dan bersahsiah tinggi. Adab yang baik dalam sesuatu permainan sangat bermanfaat dan boleh menjadi panduan kepada seluruh umat untuk kehidupan yang lebih sejahtera.

PENGENALAN

Menurut Ali bin Abu Talib; “Ilmu itu lebih baik daripada harta, sebab ilmu itu selalu menjagamu sedangkan harta, engkau yang selalu menjaganya” (Mohd Fadzilah Kamsah, Muhammad Zakaria & Mashitah Aminah Turahim, 2007). Ali bin Abu Talib karamallahu wajhah pernah berkata, yang bermaksud; “Sesiapa yang ingin (berjaya) dalam kehidupan dunia, hendaklah dia (mencapainya) dengan ilmu, sesiapa yang ingin (berjaya) di akhirat nanti hendaklah dia (mencapainya) dengan ilmu dan sesiapa yang ingin (berjaya) di dunia dan akhirat, hendaklah dia (mencapainya) dengan ilmu” (Mohd Fadzilah Kamsah, Muhammad Zakaria & Mashitah Aminah Turahim, 2007). Tujuan kita mempraktikkan adab sopan dalam permainan berlandaskan hukum

Islam khususnya adalah supaya kita dapat hidup dalam keredhaan Allah disamping menjadi umat manusia yang terdidik dengan baiknya. Islam mengajar kita untuk sentiasa mengamalkan adab sopan tidak kira dalam apa jua keadaan, meski ketika bersukan sekalipun. Adab yang baik dalam permainan mampu mencerminkan nilai murni dalam diri yang dapat dicontohi dan dijadikan teladan oleh orang keliling. Adab yang dipraktikkan mampu menjadi motivasi diri yang berguna. Motivasi diri adalah antara konsep penting dalam pembelajaran. Darjah pencapaian pembelajaran juga dapat dimanipulasikan oleh kekuatan dorongan dan hal ini bergantung pada motivasi tersebut (Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, dan Fawziah Yahya, 2005: 13).

Allah menjelaskan bahawa golongan yang berilmu diangkat kedudukan mereka beberapa darjat lebih tinggi daripada mereka yang tidak berilmu, melalui satu ayat al-Quran (Ramli Awang, Sayed Mahussain Sayed Ahmad Al-Idrus, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Nurazmallail Marni, 2012: 27). Firman Allah S.W.T menjelaskan hal ini. Terjemahan:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksud: *Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.*

(Surah *al-Mujadalah*, 58:11)

Justeru, manusia perlu mempunyai ilmu pengetahuan biarpun cuma mengenai adab dalam permainan kerana sesungguhnya ilmu ini juga mampu mempermudah urusan kehidupan kelak. Ilmu ini haruslah dijadikan suatu kewajipan untuk masa akan datang. “Tidak wajar bagi orang yang bodoh berdiam diri atas kebodohnya, dan tidak wajarlah bagi orang yang berilmu berdiam diri atas ilmunya.”


Begitulah bunyi hadis riwayat al-Tharabani & Abu Naim yang memberi erti kepada orang-orang yang lemah untuk menuntut ilmu daripada hanya berdiam diri dengan kelemahan dirinya (Md. Izuddin Ali, Zetty Zahureen Mohd Yusoff, 2006: 1). Selain dapat menjadi insan yang berguna, kita juga dapat membantu masyarakat yang lain berbekalkan ilmu yang kita ada (Zaini Ujang, 2009: 123). Untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, badan kita sendiri haruslah diaktifkan dengan melakukan riadah, senaman atau bersukan.

Agama kita tidak hanya menggalakkan menuntut ilmu sahaja, tetapi juga bersukan atau beriadah. Hal ini dapat menjadikan badan kita segar serta membantu meningkatkan kecerdasan otak (Md. Izuddin Ali & Zetty Zahureen Mohd Yusoff, 2006: 45). Dengan itu juga, tidak akan ada halangan bagi kita untuk melakukan kerja-kerja ibadah kepada-Nya. Terdapat hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang menyatakan bahawa Allah S.W.T. menyukai orang yang kuat daripada yang lemah (Suhaimi Yusuf, Mohd Irham Mohd Zainuddin & Nelfianty Abdul Rashid, 2011, 2012: 2)

Dewasa ini, kesedaran tentang pentingnya bersukan dalam kalangan masyarakat semakin tinggi. Sukan pada ketika ini memainkan peranan penting dalam memajukan ekonomi negara (Ali Mahmood, 2012, 2012: 4). Di samping dapat menaikkan nama negara, sukan juga berupaya meningkatkan semangat juang di dalam diri masyarakat tidak kira peringkat umur. Sebagai contoh, kejayaan Datuk Lee Chong Wei mendapatkan pingat perak semasa Sukan Olimpik London 2012 yang lalu menjadi buah mulut dan teladan anak-anak muda ketika ini.

Islam sendiri telah menggariskan beberapa panduan serta adab ketika bersukan ataupun adab semasa dalam permainan (Garis Panduan Bersukan Menurut Perspektif Islam) Adab dan garis panduan yang telah ditentukan bukan sahaja diamalkan oleh penganut agama Islam, tetapi mereka yang beragama lain-lain juga boleh mengamalkannya. Setiap orang haruslah mengikut panduan serta adab yang dinyatakan bagi mengekalkan kesejahteraan bersama.

Walaupun bersukan memerlukan masa yang panjang untuk berlatih atau untuk bertanding, namun kita tidak boleh menjadikan sukan sebagai tiket untuk kita tidak menjalankan tanggungjawab kepada Allah S.W.T. Haruslah kita ingat bahawa jangan sekali-kali lalai akan tanggungjawab kepada Allah S.W.T. walau sesibuk mana pun jadual seharian kita. Allah S.W.T. memurkai mereka yang sanggup meninggalkan solat hanya kerana hal yang remeh temeh. Hal ini dapat dirujuk dalam al-Quran, surah al-Maun ayat 4 yang bermaksud:



Maksud: *Maka celakalah orang yang solat iaitu orang yang lalai terhadap solatnya.*

(Surah *al-Ma'un* 107:4)

Jelaslah betapa kita ditegah untuk bersikap lalai sehingga meninggalkan solat sehingga terkeluar daripada waktu solat yang sepatutnya.

ETIKA SEMASA DALAM PERMAINAN

Terdapat sembilan etika semasa bermain yang akan dibincangkan iaitu bermain di tempat yang selamat, memakai pakaian yang sesuai, menutup aurat, mengemas peralatan, bersalaman, redha menerima keputusan pengadil, amalkan semangat kesukanan, mengetahui peraturan permainan dan mengawal perasaan.

Bermain di Tempat yang Selamat

Berhati-hati dan sentiasa mementingkan keselamatan diri dapat mengelakkan diri kita sendiri dan rakan-rakan serta orang lain daripada kecederaan. Tempat yang selamat ialah seperti padang permainan, gelanggang permainan, dewan bersukan ataupun stadium. Kita tidak boleh bermain ditempat-tempat yang dilarang seperti di

lereng bukit, jalan raya, kawasan pembinaan, serta ditempat-tempat yang berbahaya yang boleh mengancam keselamatan diri (Abdul Hafiz Bin Omar, Husain Bin Ayob & Zalawati Binti Sufian, 2005: 68).

Semasa bermain, eloklah kita memerhatikan keadaan sekeliling untuk memastikan tiada tin-tin kosong dan benda-benda tajam yang boleh mencederakan seperti kaca, cermin, paku dan sebagainya. Jika ada, kita hendaklah berasa bertanggungjawab untuk membuangnya ke dalam tong sampah atau mengalihkan ke tempat yang sesuai yang tidak berpotensi mencederakan orang lain. Elakkan juga bermain di kawasan yang berlubang dan tidak rata kerana boleh mengakibatkan jatuh dan terseliuh yang seterusnya boleh mengakibatkan kecederaan yang serius (Abdul Hafiz Bin Omar, Husain Bin Ayob, Zalawati Binti Sufian, 2005: 69).

Sekiranya hendak bermain menggunakan alat permainan yang disediakan, pastikan umur dan saiz badan kita bersesuaian untuk mengelakkan kerosakan pada alat tersebut. Alatan yang rosak boleh mengakibatkan kemalangan. Sesungguhnya malang itu tidak berbau maka haruslah kita sentiasa berhati-hati semasa bermain (Abdul Hafiz Bin Omar, Husain Bin Ayob, Zalawati Binti Sufian, 2005: 69).

Memakai Pakaian yang Sesuai

Pakaian yang dipakai semasa bermain hendaklah kemas dan bersesuaian mengikut aktiviti sukan yang disertai. Kita tidak boleh memakai pakaian yang dipakai untuk pergi ke kuliah, pejabat atau majlis-majlis rasmi untuk bersukan kerana akan menimbulkan rasa tidak selesa kepada diri sendiri kelak. Ketidakselesaian boleh menurunkan prestasi semasa beraksi dalam sukan yang disertai.

Menurut hadis Anas bin Malik r. a yang diriwayatkan daripada Qatadah r.a. menyatakan bahawa pakaian yang paling digemari oleh Rasulullah s.a.w. ialah pakaian yang diperbuat daripada kapas yang dipanggil Hibarah. Maka dengan itu, pakaian yang diperbuat daripada kapas sangatlah digalakkan untuk dipakai.

Semasa menukar pakaian pula, kita hendaklah mengelakkan pembaziran masa berlaku. Jangan mengambil masa yang lama untuk berbual-bual dengan rakan semasa menukar pakaian kerana akan membuat jurulatih tertunggu-tunggu. Perbuatan ini dianggap tidak sopan dan boleh menimbulkan kemarahan seseorang jurulatih serta akan mewujudkan perasaan yang tidak tenteram sepanjang sesi bersukan (Abdullah Khairi Haroon & Ahmad Fathur Rahman Haroon, 2009: 51).

Seeloknya, ambillah masa yang singkat agar masa yang selebihnya boleh digunakan untuk aktiviti pemanasan badan atau taklimat ringkas oleh jurulatih. Seperti yang dinyatakan dalam surah Al Asr ayat 1 hingga 3 yang bermaksud:

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Maksud: *Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian, kecuali yang beriman dan beramal soleh serta saling menasihati untuk kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran.*

(Surah *al-Asr*, 103: 1-3)

Sesungguhnya masa tidak dapat dikembalikan. Dan kita berada dalam kerugian jika membazirkan masa selalu (Terjemahan Al Hidayah Al Quran Al Qarim, 2012: 601)

Menutup Aurat

Ketika bermain, individu masing-masing harus tahu akan garis panduan berpakaian dalam Islam. Menutup aurat adalah wajib bagi setiap orang Islam. Firman Allah S.W.T. tentang kewajiban menutup aurat ada dinyatakan dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ
 وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
 إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ
 وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksud: *Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah zaman dahulu, dan dirikanlah solat serta berikanlah zakat, dan taatilah kamu kepada Allah dan rasulnya. Sesungguhnya Allah (perintah kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu wahai "Ablu Bait", dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).*

(Surah *al-Ahzab*, 33:33)

Bagi penganut agama lain, menutup aurat juga dituntut bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak bermoral daripada berlaku. Pada ketika ini, gejala-gejala sosial yang berlaku semakin berleluasa. Hal ini sangat berkaitan dengan aurat kerana timbulnya nafsu untuk melakukan gejala-gejala tersebut kerana adalah disebabkan anak-anak muda yang runtuh moralnya baik lelaki mahupun perempuan dan tanpa segan silu mendedahkan aurat mereka (Bahagian Pengurusan Dakwah [BPD], Jabatan Agama Islam Selangor [JAIS], 2012: 9). Oleh yang demikian kita sebagai manusia hendaklah membimbing rakan-rakan, serta anak-anak muda yang lain agar menutup aurat demi kebaikan bersama. Sesungguhnya berpesan-pesan ke arah kebaikan sangat dituntut.

Aurat untuk lelaki ialah dari atas pusat hingga lutut. Jadi, kaum lelaki hendaklah menutup aurat mereka dari atas pusat hingga lutut itu. Hari ini, semakin ramai lelaki yang bersukan memakai seluar pendek di atas paras lutut, oleh itu, hal ini haruslah dielakkan. Rasulullah s.a.w. telah melihat sahabatnya Ma'mar yg memakai pakaian sehingga ternampak pehanya lalu baginda pun bersabda (al-Tirmidhi, 1994: 2722; Ahmad, 1994: 15362):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْفَخْذُ عَوْرَةٌ

Maksud: *Ibnu Abbas dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Paha adalah aurat."*

(*Al-Tirmidhi dan Ahmad*)

Satu hadis yang lain menyebut (al-Tirmidhi, 1994: 2693):

بَهْزُ بْنُ حَكِيمٍ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ جَدِّي قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَوْرَاتُنَا مَا نَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذَرُ قَالَ أَحْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ

Maksud: *Bahz bin Hakim telah menceritakan kepada kami Ayahku dari kakekku ia berkata; Aku bertanya; "Wahai Rasulullah, aurat mana sajakah yang yang harus kami tutup dan yang kami biarkan (terbuka)? beliau menjawab: "Jagalah auratmu kecuali kepada istrimu atau budak yang kamu miliki."*

(*Al-Tirmidhi*).

Bagi kaum wanita pula, mereka wajib menutup aurat iaitu seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan (Wan Muhd Ali, 2012, 2012: 24). Dalam Surah Al-Ahzab, ayat ke 59 yang bermaksud:

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ قُلُوبًا لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ
 عَلَيَّهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ أَذْنَبَٔ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ
 وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksud: *Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 59)

Ada pandangan menyatakan bahawa aurat kaum wanita yang wajib ditutup untuk mengelakkan daripada diganggu.

Mengemas Peralatan

Setelah selesai bermain, kita hendaklah mengemas peralatan yang telah digunakan seperti bola, raket atau kayu hoki. Sekiranya kita menggunakan kerusi atau meja semasa permainan, kita haruslah menyusun kembali ke tempatnya yang asal. Hal ini adalah bagi mengelakkan kerosakan peralatan, atau kehilangan peralatan. Allah S.W.T. telah berfirman dalam surah *al-Araf* yang membawa maksud:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا
 وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksud: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.*

(Surah *al-Araf*, 7:56)

Firman ini jelas memperingatkan kita bahawa sentiasa berhati-hati menggunakan peralatan yang disediakan tanpa membuat kerosakan (Wan Mohd Ruzlan Wan Omar, 2010, 2012: 5). Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan, kita harus melaporkan segera kepada pihak yang bertanggungjawab. Kita tidak boleh membiarkan sahaja ia berlaku kerana akan menyusahkan orang yang mahu menggunakan peralatan tersebut pada masa akan datang.

Bersalaman

Sebelum dan selepas permainan, kita haruslah bersalaman dengan pihak lawan, jurulatih dan pengadil tanpa mengira pangkat dan darjat mereka. Melalui persalaman, persahabatan boleh dijalinkan. Selain daripada bersalaman, kita hendaklah menunjukkan wajah yang manis agar orang sekeliling mudah menyenangi kita (Abdullah Khairi Haroon, Ahmad Fathur Rahman Haroon, 2009: 36, 48). Selain itu, bersalam adalah untuk kita saling bermaaf-maafan sekiranya ada terbuat salah sepanjang permainan. Firman Allah S.W.T.:

قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ وَاللَّهُ

غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

Maksud: *Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik daripada sedekah yang diiringi tindakan yang menyakiti. Allah Maha Kaya, Maha Penyantun.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:263)

Ayat ini telah menjelaskan kita tentang tuntutan memberi maaf kepada orang lain jika orang lain tersilap tanpa disengajakan ketika bermain.

Redha Menerima Keputusan Pengadil

Keputusan pengadil ialah keputusan muktamad. Kita haruslah menerima akan ketentuan takdir, dan tidak mengkritik keputusan yang dibuat oleh pengadil. Keredhaan itu sangat dituntut dalam Islam seperti yang terkandung dalam Rukun Iman yang keenam iaitu beriman kepada Qada dan Qadar. Allah berfirman:

وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا حَسْبُنَا
 اللَّهُ سَيُؤْتِينَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ ﴿٥٩﴾

Maksud: *Dan alangkah baiknya jika mereka redha dengan apa yang Allah dan Rasulnya berikan kepada mereka sambil mereka berkata: 'Cukuplah Allah bagi kami, Ia dan Rasulnya akan berikan pada kami kurniannya, Sesungguhnya pada Allah kami menuju.'*

(Surah *al-Taubah*, 9: 59)

Firman tersebut jelas memberitahu bahawa kita dituntut mempunyai rasa redha di samping sentiasa bertaqwa dan memohon yang terbaik daripada Allah S.W.T.

Perbuatan ini juga dapat menunjukkan rasa hormat kepada pengadil. Sesungguhnya menghormati orang lain sangat dituntut dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T.

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِنَحِيَةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ
 كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Maksud: *Dan apabila kamu dihormati dengan suatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik, atau balaslah penghormatan itu dengan yang sepadan dengannya. Sungguh, Allah memperhitungkan segala sesuatu.*

(Surah *al-Nisa*, 4: 86)

Berdasarkan ayat adalah dituntut seseorang untuk membalas salam atau penghormatan yang diberikan kepadanya dengan sesuatu yang setara atau yang lebih baik.

Amalkan Semangat Kesukanan

Semangat kesukanan hendaklah sentiasa ada dalam diri masing-masing agar sentiasa bersemangat untuk menjadi yang terbaik dalam setiap pertandingan yang disertai. Sebagai seorang pelajar universiti, semangat kesukanan yang kompetitif harus ada dalam diri sendiri agar dapat mewujudkan persaingan yang berpotensi memajukan diri sendiri serta orang-orang disekeliling (Mohd Tajudin Ninggal, 2011: 39).

Sesungguhnya, pelajar yang sentiasa bersemangat kompetitif dan mempunyai semangat berpasukan mampu mengharumkan nama negara sekiranya berjaya melayakkan diri untuk beraksi di peringkat antarabangsa dalam setiap acara sukan atau permainan yang disertai (Zaini Ujang, 2009: 121). Namun, kita tidak digalakkan untuk terlalu obses dengan sukan sehingga bermegah-megah dengan kemenangan yang dimiliki. Dalam Surah At-Takathur ayat 1 dan 2 yang bermaksud:

أَلْهَنكُمْ التَّكَاثُرُ ۚ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۚ

Maksud: *Perbuatan bermegah-megah dan berlumba-lumba telah melalaikan kamu, sampai kamu masuk ke dalam kubur.*

(Surah *al-Takathur*, 102: 1& 2)

Ayat ini telah menyatakan larangan untuk kita bermegah-megah di dunia kerana apa yang dimegahkan hanyalah sementara waktu sahaja.

Mengetahui Peraturan Permainan

Setiap pemain wajib mengetahui segala peraturan dalam permainan. Seboleh-bolehnya, elakkan daripada berbuat kesalahan bagi mengelakkan denda. Sebelum menyertai sesuatu permainan, kita hendaklah belajar serta ingat akan peraturan-peraturan yang disediakan.

Mengawal Perasaan

Sentiasa ingat bahawa kalah dan menang adat pertandingan. Jika kita menang, jangan sekali-kali membangga diri serta riak kerana semua itu ialah kurniaan daripada Allah S.W.T. Dalam Surah al-Nasr, kita telah dijelaskan bahawa pertolongan dan kemenangan itu datangnya daripada Allah, maka pujilah dia.

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۝١ وَرَأَيْتَ النَّاسَ
يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۝٢ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ۝٣

Maksud: Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, Dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berbondong-bondong. Maka bertasbihlah dengan memuji tuhanmu dan pohonlah ampun kepadaNya, sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat.

(Surah al-Nasr, 110: 1-3)

Di samping itu, walaupun kita bersemangat dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan, tetapi kita menetapkan had

supaya tidak melampaui batas. Menurut sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا ثُمَّ تَمَنَّى عَلَى اللَّهِ

Maksud: *Abu Ya'la Syaddad bin Aus dia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang yang berakal (bijak) adalah orang yang bisa menahan nafsunya dan beramal untuk setelah kematian, dan orang yang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan selalu berangan-angan (kosong) atas Allah."*

(*Al-Tirmidhi*)

Hadis ini bermaksud dalam kita melakukan sesuatu itu jangan sampai melampau batas dan mengikut hawa nafsu.

PUNCA KEGANASAN DALAM SUKAN

Terdapat beberapa punca berlakunya keganasan semasa bersukan. Antaranya ialah psikologi, persekitaran dan juga biologi.

Psikologi

Psikologi berasal dari perkataan tamadun Greek purba iaitu, 'psyche' dan 'logos'. 'Psyche' bermaksud jiwa manakala 'logos' bermaksud kajian mengenai sesuatu pemikiran yang dapat mempengaruhi sikap dan pelakuan suatu hidupan. Psikologi merupakan satu kajian mengenai sesuatu yang memberi impak kepada jiwa seseorang (Faizul Idham, 2012: 1)

Psikologi seseorang terganggu apabila menerima provokasi dari pihak lawan yang sengaja menunjukkan aksi-aksi mencabar untuk

mendapatkan reaksi dari pihak lawan. Selain itu, tekanan emosi turut mempengaruhi psikologi pemain. Apabila prestasi pemain berada di bawah jangkaan, jurulatih tidak putus-putus memberi komen dan seterusnya menimbulkan tekanan kepada pemain (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Di samping itu, atlet juga kadang menjangkakan bahawa pihak lawan akan bertindak agresif. Oleh itu, mereka mengambil keputusan untuk mengasari pihak lawan. Keganasan juga boleh berlaku dalam kalangan penonton. Penonton yang tidak tahu undang-undang dan peraturan sesuatu permainan mudah salah anggap akan suatu situasi dan seterusnya menimbulkan huru hara. Perkara yang dinyatakan diatas mampu menimbulkan kegansan semasa permainan dijalankan. Hal ini haruslah dielakkan demi mengekalkan kesejahteraan bersama (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Persekitaran

Persekitaran yang boleh menjadi punca berlakunya keganasan dalam sukan ialah lokasi pertandingan, cuaca dan keputusan pertandingan. Apabila pertandingan diadakan di tempat lawan, sokongan akan lebih tertumpu kepada tuan rumah. Psikologi pemain akan terganggu, manakala penyokong-penyokong pula akan saling memberikan tindakan balas (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Cuaca yang panas pula akan menjadikan pemain dan penyokong menjadi lebih agresif manakala cuaca hujan pula menyebabkan padang licin. Lalu, terdapat banyak kemungkinan yang boleh berlaku seperti jatuh semasa bermain yang dianggap sebagai tindakan sengaja pihak lawan. Potensi untuk bertindak ganas sangat tinggi semasa cuaca sedemikian (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Dari segi aspek keselamatan pula, kawalan keselamatan yang longgar akan memudahkan pihak penonton melakukan keganasan sesama mereka. Penempatan penonton yang bercampur-campur memudahkan mereka sedar dan dengar komen-komen penyokong pihak lawan. Selain itu, para penonton juga berani membawa alatan

yang bahaya seperti mercun, kayu dan sebagainya. Keganasan dalam sukan boleh dielakkan jika penontong dan penyokong bersatu padu dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Biologi

Biologi ataupun ilmu hayat adalah ilmu mengenai kehidupan. Istilah ini diambil dari bahasa Belanda "biologie", yang juga merupakan gabungan kata bahasa Yunani, bios yang bermaksud hidup dan logos yang bermaksud lambing ataupun ilmu (Google, 2011, 2012: 3)

Tindakan ganas dalam kalangan pemain mahupun penonton berlaku akibat peningkatan hormone adrenalin dalam badan. Hormon ini ialah hormon perangsang setiap kelakuan kita. Peningkatan hormon ini berlaku akibat daripada peningkatan suhu badan, kelesuan dan juga suasana yang bising (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2)

Pengambilan steroid dalam kalangan pemain juga akan memberikan kesan negatif, di mana mereka mampu bertindak ganas kerana tidak mampu mengawal perasaan. Oleh itu, pengambilan steroid adalah ditegah kepada pemain sukan (Azhar Bin Zakaria, 2009, 2012: 2). Sebagai individu muslim, hendaklah kita menjaga adab walau dimana jua berada agar kemuafakatan sentiasa terjamin.

PENUTUP

Kesimpulannya, individu sendiri perlulah menjadikan adab semasa dalam permainan sebahagian daripada kehidupan seharian. Adab-adab ini mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri individu itu sendiri. Hal ini perlu dijadikan sebagai suatu bentuk pembelajaran dan diamalkan berterusan kerana mampu memberi impak yang baik kepada sikap individu tersebut.

Sikap lazimnya didefinisikan sebagai kecenderungan maklum balas sama ada positif atau negatif. Pembelajaran melibatkan perubahan sikap, maka melalui ilmupembelajaran yang dipraktikkan sikap

juga akan mengalami perubahan (Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, Fawziah Yahya, 2005: 4)

Kerjasama ibu bapa untuk mendidik anak-anak tentang adab sopan amatlah diperlukan untuk melahirkan generasi yang aktif menyertai aktiviti sukan dan permainan agar dapat mengharumkan nama keluarga, negara dan agama, kerana sesungguhnya, dalam sesebuah keluarga, kehidupan anak-anak sentiasa berada di bawah kepimpinan kedua ibu bapanya.

Ibu bapa perlu peka dengan keperluan serta pandangan anak-anak melalui satu bentuk corak kepimpinan yang fleksibel. Kepimpinan demokratik berlandaskan syariah Islam akan membentuk anak-anak yang bermatlamat, berorientasikan kejayaan, mesra, mudah bekerjasama dengan orang dewasa, gembira, bersemangat tinggi dan sebagainya (Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, Fawziah Yahya, 2005: 272)

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Bin Omar, Husain Bin Ayob & Zalawati Binti Sufian. 2005. *Buku Teks PJK Sekolah Kebangsaan*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Khairi Haroon, Ahmad Fathur Rahman Haroon. 2009. *Formula Rabbani Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Yamani Angle.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ali Mahmood. 2012. Sukan jana ekonomi negara dalam *Utusan Online*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0410&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pahang&pg=wp_03.htm#ixzz2EMBEOn71, Disember 9, 2012.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Avril Brock, Sylvia Dodds, Pam Jarvis & Yinka Olusaga. 2009. *Perspectives on play: learning for life*. Pearson Education Limited.

- Azhar Bin Zakarian. (2009). Keganasan / Keagresifan Dalam Sukan. <http://azharpjpk.blogspot.com/2009/08/keganasan-keagresifan-dalam-sukan.html>, Disember 23, 2012
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya & Fawziah Yahya. 2005. *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang Darul Makmur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor. Aurat Dalam Islam. 2012. http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=98&Itemid=1, Disember 9, 2012.
- Faizal Idham. 2012. *Pengertian Psikologi*. <http://cintaku.dikeningau.blogspot.com/2011/06/pengertian-psikologi.html>, Disember 23, 2012.
- Google. 2011. *Apa yang di maksud dengan biologi*. <http://www.google.co.id/tanya/thread?tid=18d1ce07db115b08>, Disember 23, 2012.
- Hasnah binti Yahya, Azlan bin Muiz & Abdul Talib bin Pilus. 2004. *Pendidikan Islam Tahun 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. *Garis Panduan Bersukan Menurut Perspektif Islam*. 2012. *Garis Panduan Atlet*. dari http://islam.gov.my/sites/default/files/garis_panduan_atlet_-_cetak_22.10.12_0.pdf, Disember 9, 2012.
- Jabatan Mufti Negeri Melaka. 2012. Bab 3 : Sifat Redha dalam Info Masjid al-Azim. <http://www.al-azim.com/masjid/infoislam/tasawwuf/redha.htm>, Disember 9, 2012.
- Md. Izuddin Ali & Zetty Zahureen Mohd Yusoff. 2006. *Jalan Pantas Ke Arah Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Fadzilah Kamsah, Muhammad Zakaria & Mashitah Aminah Turahim. 2007. *Petua Menjadi Pelajar Sekolah Menengah Gemilang*. Kuala Lumpur; Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Tajudin Ninggal. 2011. *Mahasiswa dan Universiti*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Suhaimi Yusuf, Mohd Irham Mohd Zainuddin, Nelfianty Abdul Rashid. (2011). *Wanita dan Sukan menurut Perspektif Islam*

dalam *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/rencana/wanita-dan-sukan-menurut-perspektif-islam-1>. 14684, Disember 9, 2012.

Terjemahan Al Hidayah Al Quran Al Karim (Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu). 2010. Selangor: Al Hidayah House Of Quran Sdn Bhd.

Wan Mohd Ruzlan Wan Omar. (2010). Manusia ada tanggungjawab makmurkan alam Sekitar dalam *Berita Harian*. Dicapai pada, dari [http://www.bharian.com.my/articles/Manusiaada_tanggungjawab_makmurkan_alamsekitar/ Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Manusiaada_tanggungjawab_makmurkan_alamsekitar/Article/), Disember 9, 2012.

Wan Muhd Ali. (2012). Kesalahan Pakaian Lelaki Dalam Islam. Dicapai pada, dari <http://wanwma.com/aurat/kesalahan-pakaian-lelaki-dalam-islam/>, Disember 9, 2012.

Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu, Faham Ilmu Amalan dan Panduan (Edisi Ke-2)*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.